

Kredit komuniti gagal tonjol imej

Tak patuh garis panduan KPKT sukarkan usaha penjenamaan semula

Oleh Amin Ridzuan Ishak
aminridzuan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Program penjenamaan semula syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) kepada Kredit Komuniti dilihat gagal menyalurkan imej baharu yang mahu ditampilkan bagi perkhidmatan itu.

Selepas lapan bulan ia dilancarkan, majoriti syarikat PPW belum memenuhi garis panduan yang ditetapkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di bawah program itu.

Ini termasuk tidak memasang papan tanda mengikut spesifikasi sebagai Kredit Komuniti.

Setiausaha Bahagian Kawalan Kredit Komuniti KPKT, Noorleza Rajab, berkata setiap syarikat Kredit Komuniti perlu memasang papan tanda khas bagi membezakannya dengan syarikat pemberi pinjaman wang yang tidak berdaftar bagi mengelakkan pengguna terpedaya.

Berdasarkan statistik, katanya, hanya 11 daripada 4,292 syarikat yang berdaftar dengan KPKT memasang papan tanda ini sebagai syarat untuk mereka mengiklankan perkhidmatan.

"Ia wajib memaparkan logo Kredit Komuniti, jenama perkhidmatan kredit komuniti, meletakkan kadar faedah berdasarkan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 atau Akta 400, laman web aduan.kpkt.gov.my, nama serta alamat syarikat, butiran lesen, kod QR dan berwarna lavender.

"Pengguna perlu bijak dengan hanya berurus niaga di premis



Pengguna perlu bijak dengan hanya berurus niaga di premis memasang papan tanda seperti itu dan bukannya di tempat terbuka seperti di kereta atau restoran.

Noorleza Rajab, Setiausaha Bahagian Kawalan Kredit Komuniti KPKT

memasang papan tanda seperti itu dan bukannya di tempat terbuka seperti di kereta atau restoran," katanya.

Noorleza berkata, selain itu, Bahagian Kawalan Kredit Komuniti KPKT menerima tujuh aduan berhubung tindakan syarikat Kredit Komuniti mengenakan faedah melebihi kadar ditetapkan iaitu 12 peratus setahun atau satu peratus sebulan bagi pinjaman bercagar; manakala 18 peratus setahun atau 1.5 peratus sebulan untuk pinjaman tanpa cagaran.

Keadaan itu menimbulkan persoalan dari segi keberkesanan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa, selain tahap kesedaran orang ramai mengenai risiko meminjam daripada syarikat yang mengenakan kadar faedah tinggi dengan syarat tidak masuk akal, masih rendah.

Laporan Khas

Katanya, pihaknya yang memantau operasi 4,292 syarikat Kredit Komuniti berdaftar, mempunyai 74 kakitangan termasuk 36 pegawai kader polis dengan enam daripada mereka masing-masing ditempatkan di Sabah dan Sarawak.

"Seramai 24 anggota (polis) pula memantau operasi di Semenanjung. Jadi, bukan mudah untuk melakukan penguatkuasaan dengan jumlah ini tetapi ia perlu dilakukan memandangkan ini perjawatan yang diperuntukkan kepada kami.

"Bayangkan kalau hendak buat pemantauan setiap syarikat Kredit Komuniti berdaftar dengan KPKT. Dari segi pusingan pemantauan, kita perlu mengambil masa antara satu hingga tiga tahun untuk kembali kepada syarikat awal diperiksa daripada premis akhir.

"Namun, sekiranya ada aduan, kita akan terus ke syarikat terbabit. Tugas memantau ini memang sukar dan sebab itu kita bekerjasama dengan polis yang sentiasa membanters kegiatan syarikat pinjaman wang tidak berlesen seperti Along, sekiranya mendapat aduan," katanya ketika ditemui BH di pejabatnya di Putrajaya.

Noorleza berkata, Bahagian Kredit Komuniti menerima sebanyak 384 aduan sehingga 30 November lalu dengan jumlah paling tinggi membabitkan lewat menghantar rekod (124 kes), diikuti tidak menyerahkan dokumen pinjaman kepada peminjam (108), perubahan pengarah (37), alamat operasi (31) dan tidak menggunakan dokumen perjanjian ditetapkan, 24 kes.

"Antara kesalahannya ialah mengenakan kadar faedah tinggi

Perbezaan Kredit Komuniti dengan pemberi pinjaman wang tidak berlesen atau along

Kredit Komuniti



- » Berdaftar dengan Bahagian Kawalan Kredit Komuniti KPKT
- » Berstatus sendiri berhad atau berhad dengan modal berbayar minimum RM2 juta
- » Mendaftar dengan KPKT apabila mengiklankan perkhidmatan
- » Kadar faedah tidak lebih 12 peratus (%) setahun bagi pinjaman bercagar, 18% setahun tanpa cagaran
- » Urus niaga di premis rasmi berdaftar

Pemberi pinjaman wang tidak berlesen atau along



- » Perniagaan haram, ada kalanya berselindung di sebalik nama syarikat kredit
- » Tawar pinjaman menerusi media sosial, poster dan panggilan telefon secara rawak
- » Faedah 10 - 18 peratus sebulan
- » Guna kekerasan bila kutip bayaran
- » Simpan kad mesin ATM dan kata laluan perbankan internet peminjam
- » Urus niaga di tempat terbuka termasuk dalam kereta atau restoran

INFO

Status pemberi pinjaman wang atau Kredit Komuniti boleh disemak menerusi sesawang, http://emaps.kpkt.gov.my/emaps/emaps/umum/cari_ppw_sc.cfm Semakan status syarikat menerusi aplikasi telefon pintar, i-KrediKom

membabitkan tujuh aduan dan masing-masing empat kerana tidak menjelaskan jumlah pinjaman dengan jelas serta tiada resit rasmi pembayaran pinjaman," katanya.

Penjenamaan semula PPW kepada Kredit Komuniti pada 5 April lalu bukan sahaja membabitkan perubahan pada nama na-

mun dari segi imej, etika perkhidmatan perniagaan dan proses mendapatkan lesen perniagaan sebagai pemberi pinjaman wang.

Ia diharapkan dapat memberi satu perspektif positif lebih mesra dengan masyarakat, sekali gus mengikis persepsi negatif yang sering dikaitkan PPW berlesen.

Urusan syarikat pinjaman berlesen di premis rasmi

Kuala Lumpur: Enggan bertemu di premis rasmi sebaliknya hanya berurusan di dalam kereta sebelum wang dimasukkan dalam tempoh dua jam.

Itu pengalaman dilalui wartawan BH yang menyamar sebagai peminjam bagi melihat proses memohon pinjaman daripada Along yang berselindung di sebalik nama syarikat Kredit Komuniti untuk memperdayakan mangsa.

Mengikut peraturan, sebarang urusan bagi mendapatkan pinjaman daripada syarikat Kredit Komuniti dilakukan di premis rasmi, bukannya di kawasan terbuka seperti dalam kereta atau restoran.

Menerusi carian di media sosial dan laman web, wartawan BH mendapatkan nombor syarikat peminjam wang untuk dihubungi dan memberikan maklumat peribadi seperti nama, umur, pekerjaan, gaji dan jumlah pinjaman diperlukan.

Wartawan BH menerima panggilan telefon seorang lelaki memperkenalkan dirinya sebagai Samson iaitu pekerja sebuah syarikat pinjaman wang 'berdaftar' dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan mahu mengatur pertemuan membincangkan secara lanjut menguruskan permohonan pinjaman berjumlah RM10,000 dimohon.

Wartawan BH mencadangkan supaya pertemuan dibuat di premis tempat lelaki itu bekerja di Subang Jaya namun dia enggan dan sanggup datang ke Bangsar untuk menjalankan urusan niaga terbabit.

Dalam pertemuan di kereta miliknya dua hari selepas itu, lelaki berkenaan menawarkan pinjaman dengan kadar faedah bulanan perlu dibayar adalah 10 peratus yang dikatakan terendah kerana wartawan BH sudah lama bekerja.

"Kena bayar RM1,000 setiap bulan sebagai faedah sehingga semua pinjaman dilangsangkan. Pinjaman dipotong berdasarkan ba-

nyaran anuran dipersetujui. Contoh RM500...maksudnya kena bayar RM1,500 dalam tempoh 20 bulan.

"Kalau tidak mahu bayar faedah tiap bulan dan pendekkan tempoh pinjaman, kena bayar anuran tinggi...kita memang boleh kenakan kadar faedah sehingga 16 peratus sebulan kerana kita bukannya bank," katanya.

Wartawan BH bersetuju membuat pinjaman RM7,000 selepas perbincangan dan ketika hendak mengisi borang permohonan pinjaman, lelaki itu memberitahu mereka perlu memegang kad ATM sebagai jaminan yang tidak dipersetujui wartawan.

Lelaki itu kemudian meminta kata laluan perbankan dalam talian dan ia juga tidak dipersetujui wartawan yang memberikan alasan bimbang berlaku sesuatu terhadap akaun bank miliknya selain memberitahu tiada syarat memerlukannyanya berbuat demikian.

Kakitangan syarikat pinjaman wang berlesen itu cuba memujuk dan memberitahu ia adalah prosedur biasa bagi mengelakkan peminjam lari.

Bagaimanapun, wartawan BH tetap enggan menyerahkannya dan lelaki terbabit kemudian akur untuk tidak meneruskan pinjaman.